

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 7 TAHUN 2023

TARIKH : 25 JULAI 2023 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : BILIK CEMPAKA KUNING, MPKL

HADIR

1. **YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, *D.I.M.P.***
Yang Dipertua, MPKL - Pengerusi
2. **Y.D.M Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun,**
D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. **Cik Ang Lee Yong**
Ahli Majlis
4. **Encik Mohd Safiee bin Harun**
Ahli Majlis
5. **Encik Haridass a/l Ramasamy**
Ahli Majlis
6. **Encik Wong Kim Loon**
Ahli Majlis
7. **Encik Nadasan a/l Subramani**
Ahli Majlis
8. **Encik Gan Yee Chin**
Ahli Majlis
9. **Puan Nor Aishah binti Abdul Majid**
Ahli Majlis
10. **Puan Rahimah binti Harun**
Ahli Majlis
11. **Encik Yong Keh Chyn**
Ahli Majlis

12. **Puan Rogayah binti Ibrahim**
Ahli Majlis
13. **Encik Lim Lip Suan**
Ahli Majlis
14. **Encik Tan Wee King**
Ahli Majlis
15. **Encik Panalsalwa a/l R Kuppan**
Ahli Majlis
16. **Encik Zulkipli bin Said**
Ahli Majlis
17. **Encik Abd Razak bin Ramli**
Ahli Majlis
18. **Encik Mat Irwan bin Mat Ismail**
Ahli Majlis
19. **Encik Tan Keng Siang**
Ahli Majlis
20. **Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam**
Ahli Majlis
21. **Puan Rukiyah binti Kolamchery**
Ahli Majlis
22. **Encik Mohd Yazid bin Abd Manaf**
Ahli Majlis
23. **Puan Rashina binti Arsat**
Ahli Majlis
24. **Encik Sahnizam bin Othman**
Ahli Majlis
25. **Encik Khairul-Azam bin Saroni, A.M.S.**
Setiausaha

TURUT HADIR

1. **Encik Zulkefli bin Mohamed Arif, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Kejuruteraan
2. **Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, P.P.T.**
Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan/
Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
3. **Encik Kamarulzaman bin Ahmad, P.J.K.**
Pengarah Jabatan Perbendaharaan
4. **Puan Sr. Lisawati binti Abd. Karim**
Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. **Encik Mohd Aszzwir bin Mohd Sabiruddin**
Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
6. **Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap, A.I.S.**
Pengarah Jabatan Landskap
7. **Puan Nordila binti Yasir**
Pengarah Jabatan Pelesenan
8. **Encik Wan Putara Noor Shahan bin Ngadirin**
Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
9. **Encik Syamsol Herwan bin Ahmad**
Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
10. **Puan Hashila binti Hamzah**
Pengarah Jabatan Korporat dan Pembangunan Masyarakat
11. **YBhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@Subaramaniam**
Ketua Unit Audit Dalam
12. **Tuan Haji Fauzi bin Din, P.J.K.**
Penasihat Undang-Undang
13. **Encik Mohd Shauki bin Jamaludin**
Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan
14. **Encik Muhammad Faiz bin Jambri**
Ketua Unit Integriti

15. **Puan Kamazulsaliza binti Kamarulzaman**
Ketua Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra
16. **Encik Mohd Yusdi bin Mohamad**
Wakil Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Kesihatan Persekitaran
17. **Puan Sopiah binti Bakar**
Wakil Ketua Unit Pusat Setempat
18. **Puan Hasnida binti Hamzah**
Wakil Pengarah Jabatan Teknologi Maklumat

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

1. **Encik Kamalanathan a/l Chellappan**
Ahli Majlis

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

1. **Puan Nur Hazlynda binti Sahimi**
Pembantu Setiausaha Pejabat
2. **Puan Rosmawati binti Othman**
Pembantu Setiausaha Pejabat
3. **Encik Shahril bin Sairon**
Pembantu Operasi

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	BACAAN DOA	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah oleh semua ahli mesyuarat beragama Islam.	Makluman
2.0	UCAPAN Pengerusi	
	YBhg. Dato' Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli mesyuarat pada hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:	
	<p>2.1 Majlis Penamaan Calon akan diadakan pada hari Sabtu, 29 Julai 2023. Sukacita dimaklumkan beliau akan bertugas sebagai Pegawai Pengurus (RO) bagi DUN Banting (N52). Pada 28 Julai 2023, wakil-wakil parti akan dipanggil datang ke bilik gerakan di Bilik Jamuan, Dewan Sri Jugra untuk semakan borang-borang supaya ia teratur dan lengkap.</p> <p>Sebagai makluman, Penolong Pegawai Pengurus (ARO) Urusetia ialah Encik Khairul-Azam bin Saroni, Penolong Pegawai Pengurus (ARO) Dun dan Undi Awal ialah Encik Syamsol Herwan bin Ahmad, Penolong Pegawai Pengurus (ARO) Undi Pos ialah Tuan Haji Fauzi bin Din dan Ketua Pasukan Penguatkuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) ialah Encik Zulkefli bin Mohamed Arif.</p>	Makluman
	<p>2.2 Dimaklumkan peruntukan MPP hanya untuk program dan aktiviti sahaja. Untuk balairaya yang telah diwartakan dan diserahkan kepada MPKL, pihak MPKL akan menjelaskan bayaran tunggakan air dan elektrik serta membuat penyambungan semula utiliti atas nama MPKL.</p>	Makluman
	<p>2.3 Mesyuarat-mesyuarat MPKL akan diadakan selepas Pilihanraya Negeri bagi memberi peluang dan ruang kepada Ahli-Ahli Majlis untuk keluar berkempen.</p>	Makluman

	2.4	Kerja-kerja naik taraf bangunan MPKL di Telok Datok masih berjalan. Dijangkakan kerja akan siap sepenuhnya dalam tempoh enam bulan lagi. Berkenaan bangunan MPKL di Kota Seri Langat pula, pembinaan masih belum bermula kerana isu tanah belum selesai.	Makluman
	2.5	Pihak Majlis akan menjalankan pembinaan stor jenis K-House di pejabat MPKL dan jika berjalan lancar, pembinaan kedua akan dibuat di Bandar Sungai Emas bagi menggantikan balairaya yang telah uzur.	Makluman
3.0	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT BILANGAN 6 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 20 JUN 2023	
		Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Haridass a/l Ramasamy tanpa sebarang pindaan.	Makluman
4.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT		
	4.1	- TIADA -	Makluman
5.0	MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 11 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman

	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak JKP menyusun mesyuarat jawatankuasa ini lebih awal selepas tarikh pilihanraya bagi pembentangan bajet tahun 2024 dan bajet tambahan yang akan dipohon ke Kerajaan Negeri.	Makluman
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KAWALAN PERNIAGAAN DAN KESIHATAN BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	Encik Mat Irwan ingin tahu program-program yang akan diadakan sempena Ulang Tahun Ke-3 Majlis Perbandaran Kuala Langat. <i>Pengarah JKPM memaklumkan antara program-program yang akan dijalankan ialah:</i> <i>i. Selangor Duathlon 2023</i> <i>ii. Pertandingan Memancing Terbuka Kuala Langat 2023</i> <i>iii. Kejohanan Tenis Beregu Jemputan Kuala Langat 2023</i> <i>iv. Kejohanan Bola Jaring</i> <i>v. Kejohanan Liga Bola Sepak</i>	Makluman

		<p>vi. <i>Eco Day</i></p> <p>vii. <i>Explorace Race Heritage Kuala Langat</i></p> <p>viii. <i>Festari Kuala Langat 2023</i></p> <p>ix. <i>Selangor International Paragliding Accuracy Championship 2023 (SIPAC 2023)</i></p> <p>x. <i>Morib Half Marathon</i></p> <p><i>YBhg. Dato' Pengerusi meminta pihak jabatan mengaturkan Kejohanan Sepak Penalti.</i></p>	
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA PEMBANGUNAN MAMPAN BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan.	Makluman
	5.6	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN 17 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	
	i.	<p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu status berkenaan masalah CCTV MPKL yang tidak jelas apabila imej dibesarkan.</p> <p><i>Dimaklumkan masalah ini telah dibuat penambahbaikan.</i></p> <p><i>Berkenaan gambar-gambar yang dihantar oleh Ahli Majlis, mohon pihak JPK buat semakan semula.</i></p>	Makluman
	5.7	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 7 TAHUN 2023 YANG TELAH DIADAKAN PADA 18 JULAI 2023	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut:	

	i.	<p><u>Perkara 5.1.2 (m.s.7)</u></p> <p>Berkenaan permohonan pemasangan pagar di sekeliling Pusat Kitar Semula Kelanang, Puan Nor Aishah meminta perkara ini diberi perhatian.</p> <p><i>Dimaklumkan pihak JK akan membuat kajian berkenaan perkara ini.</i></p>	Makluman
6.0	MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATAT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 11 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 7 JUN 2023	
	6.1.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 12 TAHUN 2023 MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TELAH DIADAKAN PADA 23 JUN 2023	
	6.2.1	Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0	PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN		

	<p>7.1</p> <p><u>KERTAS MESYUARAT NO.1</u></p> <p>KERTAS DASAR BERHUBUNG KEBENARAN UNTUK PEMBANGUNAN AKTIVITI PENTERNAKAN AYAM SECARA KOMERSIAL DI LUAR KAWASAN AGROTERNAK BATU SEPerti YANG TELAH DITETAPKAN DALAM RANCANGAN TEMPATAN KUALA LANGAT (PENGUBAHAN 2) 2030</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Cadangan Jabatan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kawasan yang dibenarkan untuk pembangunan aktiviti penternakan ayam secara komersial adalah dalam zon pertanian dan zon industri merujuk kepada Rancangan Tempatan Kuala Langat yang berkuatkuasa. 2) Jenis reban untuk penternakan ayam secara komersial hanya dibenarkan untuk jenis reban ayam tertutup sahaja. 3) Lokasi tapak cadangan pembangunan penternakan ayam hendaklah terletak dalam jarak minima 500 meter dari rumah kediaman atau zon perumahan terhampir. 4) Perlu mematuhi keperluan atau garis panduan dari Jabatan Veterinar dan agensi berkaitan. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat.</p>	<p>JPP</p>
--	--	-------------------

	<p>7.2 <u>KERTAS MESYUARAT NO.2</u></p> <p>CADANGAN MEMOHON KUASA KEBENARAN MELULUSKAN /"AUTHORISE" BAYARAN SECARA EFT DAN MENANDATANGANI CEK MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Asas Permohonan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Kertas mesyuarat ini bertujuan untuk mematuhi Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 6 Tahun 2018 iaitu Tatacara Pengurusan Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan di bawah kawalannya (Arahan Perbendaharaan 11). 2) Untuk makluman mesyuarat, Cik Izzah Eliza binti Rosnizan telah dilantik sebagai Akauntan Gred WA41 di Jabatan Perbendaharaan, Majlis Perbandaran Kuala Langat mulai 1 November 2021. 3) Atas persaraan Encik Kamarulzaman bin Ahmad dari Majlis Perbandaran Kuala Langat, maka Cik Izzah Eliza binti Rosnizan diberi kuasa bagi meluluskan /"authorise" bayaran secara eft dan menandatangani cek. 4) Bagi bayaran melebihi RM25 ribu ke atas hendaklah ditandatangani oleh tiga orang sahaja daripada empat orang manakala kurang daripada RM25 ribu, dua orang sahaja daripada empat orang. <p><u>Syor Urusetia</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Berikut adalah pegawai yang diberi kuasa untuk meluluskan /"authorise" bayaran secara eft dan menandatangani cek adalah seperti berikut: 	<p style="text-align: center;">JP</p>
--	--	--

			<u>Nama</u>	<u>Jawatan</u>		
		1	Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, <i>DIMP</i>	Yang Dipertua		
		2	Tuan Khairul-Azam bin Saroni, <i>AMS</i>	Setiausaha		
		3	Puan Norashidah binti Rosli, <i>PPT</i>	Akauntan WA44		
		4	Cik Izzah Eliza binti Rosnizan	Akauntan WA41		
		<p>2) Kuasa untuk meluluskan /"authorise" bayaran secara eft pada para 2.2 akan terbatal dengan sendirinya dan digantikan mengikut kuasa baru pada para di atas.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat.</p>				
8.0	UCAPAN PENANGGUHAN					
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Yong Keh Chyn,					
	i.	Beliau mengucapkan Selamat Sejahtera dan Salam Keluarga Madani kepada YBhg. Dato' Yang Dipertua, Tuan Setiausaha, YDM Tengku Dato' Mohamed AlHaj, Ahli-Ahli Majlis dan Ketua-Ketua Jabatan.			Makluman	
	ii.	Beliau merakamkan ucapan terima kasih kerana telah diberi peluang dan kepercayaan untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada mesyuarat kali ini. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada warga kerja MPKL kerana sentiasa memberikan kerjasama kepada beliau.			Makluman	

	iii.	<p>Untuk kutipan sisa pepejal, masalah kutipan sampah domestik khususnya di MPP Zon 9 telah dapat dikurangkan. Pada tahun 2020, jumlah NTC yang dikeluarkan paling banyak berbanding zon lain. Setelah beberapa mesyuarat dan lawatan tapak diadakan bersama pihak JPSPKP dan KDEB, akhirnya masalah tersebut telah berjaya dikurangkan. Kini, dari bulan Januari hingga Jun 2023, masih tiada NTC dikeluarkan di MPP Zon 9.</p> <p>Beliau sebagai Pengerusi MPP Zon 9 mewakili penduduk mengucapkan terima kasih kepada MPKL khususnya pihak JPSPKP dan KDEB kerana bekerjasama menyelesaikan masalah ini demi kebersihan dan kesejahteraan masyarakat setempat.</p>	Makluman
	iv.	<p>Tokong Fo Guang Shan Dong Zen di MPP Zon 9 terkenal sebagai tempat pelancongan utama semasa Festival Tanglung dan Bunga sempena Tahun Baru Cina. Mulai tahun 2022, program CSR pengindahan dan pencahayaan Dataran Banting dengan kerjasama MPKL dan pihak Dong Zen telah dilaksanakan dengan sempurna. Program ini telah menjadi tarikan kepada penduduk dan diharap dapat diteruskan dengan penambahan bajet untuk hiasan kawasan sekitar.</p>	Makluman
	v.	<p>Padang di Jalan Permata 7, Taman Yayasan telah dinaiktaraf pada tahun 2021-2023 dan menjadi salah satu '<i>landmark</i>' utama Kampung Baru Sungai Jarom. Trek jogging, laluan refleksologi, kemudahan rekreasi, papan tanda dan sebagainya telah ditambah. Diharap projek ini dapat diteruskan pada masa akan datang. Ucapan terima kasih kepada Pengarah JL dan Pengarah JK kerana telah membantu menjayakan projek naiktaraf tersebut.</p>	Makluman

	vi.	Dengan pembangunan pesat di Kampung Baru Sungai Jarom, dengan ini, beliau memohon penambahan CCTV di lokasi strategik sebagai salah satu langkah untuk memantau dan memastikan aspek keselamatan di Kampung Baru Sungai Jarom lebih terjamin.	Makluman
	viii.	Akhir kata, beliau mengucapkan terima kasih kepada Parti DAP kerana telah melantik beliau sebagai Ahli Majlis. Ucapan terima kasih juga kepada Mantan ADUN Banting dan rakan-rakan Ahli Majlis yang telah banyak memberikan pandangan kepada beliau. Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua, Ketua-Ketua Jabatan dan warga kerja MPKL yang telah banyak membantu beliau dalam menyelesaikan aduan rakyat.	Makluman
9.0		UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi	
		YBhg. Dato' Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada Encik Yong Keh Chyn atas ucapan penangguhan pada hari ini. Seterusnya, beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.15 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
Bahagian Pentadbiran,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh : 28 Julai 2023

MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 7 TAHUN 2023

Disemak oleh :

.....
(KHAIRUL-AZAM BIN SARONI, A.M.S.)

Setiausaha,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(DATO' AMIRUL AZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM, D.I.M.P.)

Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JKPM - JABATAN KORPORAT DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. JTM - JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
17. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN